

# TSEJRC bermatlamat perkasa wanita Dayak dan Sarawak

**SIBU:** Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Cawangan Kemena dan Bintulu mengadakan kunjungan hormat terhadap Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Profesor Jayum Jawan di Bintulu.

Kunjungan itu diketuai Pengerusi SIDS Kemena Jenny Bangga dan Pengerusi SIDS Bintulu Catherine Lanyau bagi mendengar taklimat dan penerangan mengenai Kursi Penyelidikan Tan Sri Empiang Jabu (TSEJRC).

Menurut Jayum yang juga penyandang TSEJRC, TSEJRC ditubuhkan den-



**KUNJUNGAN:** Jayum (tengah) bersama ahli-ahli SIDS Cawangan Kemena dan Bintulu ketika mengunjunginya di UPMKB.

gan matlamat memperkasa wanita Dayak khasnya dan wanita Sarawak amnya.

“Matlamat penubuhan TSEJRC memperkasa wanita Dayak khasnya dan wanita Sarawak melalui pelbagai aktiviti ilmiah dan berorientasikan tindakan seperti

melakar sejarah dan asal usul SIDS.

“Selain itu, ia juga untuk menanda aras pembangunan wanita Dayak sebagai pelan melangkah ke hadapan dan menganjur kursus dan latihan berdasarkan keperluan ahli SIDS,” katanya semasa

menyampaikan taklimat kepada ahli-ahli SIDS di UPM Bintulu.

Beliau berharap melalui kolaboratif itu, UPMKB dan SIDS akan berkerjasama bagi merintis ke arah pembangunan SIDS dan wanita Dayak.